



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG
Peruntukan Di Raja (Pindaan) 1981
DR.15/1981

D. R. No.

Naskhah Sahih—Bahasa Inggeris

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Ordinan Peruntukan Di Raja 1957.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Peruntukan Di Raja (Pindaan) 1981 dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa seperti yang diperuntukkan dalam seksyen kecil (2).

Tajuk
ringkas
dan mula
berkuat-
kuasa.

(2) Perenggan (a), (c) dan (d) seksyen 2 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Januari 1980 dan perenggan (b) seksyen 2 hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Julai 1980:

Dengan syarat bahawa bayaran mengenai amaun yang diganti seperti yang dinyatakan dalam perenggan (b) seksyen 2, yang mana amaun itu adalah amaun tahunan, hendaklah dibuat dengan penyelarasan yang sesuai bagi tahun 1980.

2. Jadual Pertama kepada Ordinan Peruntukan Di Raja 1957 adalah dipinda—

Pindaan
bagi
Jadual
Pertama.
Ord. 70/57.

(a) dengan menggantikan perkataan-perkataan "\$87,600.00" yang terdapat bersetentang dengan butiran "Entertainment" di bawah Kelas I dengan perkataan-perkataan "\$120,000.00";

- (b) dengan menggantikan perkataan-perkataan "\$747,000.00" yang terdapat bersetentangan dengan butiran "Salaries of the Household and Court" di bawah Kelas II dengan perkataan-perkataan "\$1,004,880.00";
- (c) dengan menggantikan perkataan-perkataan "\$444,000.00" yang terdapat bersetentangan dengan butiran "Expenses of the Household and Court" di bawah Kelas III dengan perkataan-perkataan "\$2,139,100.00"; dan
- (d) dengan menggantikan perkataan-perkataan "\$23,000.00" yang terdapat bersetentangan dengan butiran "Royal Bounty, Alms, and Special Services" di bawah Kelas IV dengan perkataan-perkataan "\$50,000.00".

HURAIAN

Rang Undang-undang ini bertujuan meminda Ordinan Peruntukan Di Raja 1957 untuk menambahkan peruntukan mengenai beberapa butiran seperti yang dinyatakan dalam *fasal 2*. Proviso dalam *fasal 1 (2)* bertujuan untuk menerangkan dengan nyata bahawa amaun yang dinyatakan mengenai gaji baru bagi kakitangan Pegawai Kakitangan Istana hendaklah diselaraskan bagi tahun 1980 oleh kerana bayaran mengenainya hanyalah bagi setengah tahun yang terkemudian tahun 1980 sahaja.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan setakat yang dinyatakan menurut *fasal 2*.

[PN. (U²) 1101.]